Utusan Borneo: 07 November 2026

Lelaki dipenjara 10 tahun, tiga sebatan kes amang seksual fizikal

LIMBANG: Seorang lelaki tempatan berusia 19 tahun bukan sahaja dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dan tiga kali sebatan, malah turut diperintahkan menjalani pemulihan serta pengawasan polis selepas selesai menjalani hukuman atas kesalahan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak kelmarin.

Ketua Polis Daerah Limbang Superintenden Parum Niot berkata, Mahkamah Limbang menetapkan tertuduh dikenakan pengawasan polis selama setahun selepas dibebaskan.

"Mahkamah juga memerintahkan pihak keluarga tertuduh supaya tidak mendekati atau mengganggu mangsa," katanya semalam.

Menurutnya, hukuman itu dijatuhkan Mahkamah Limbang kelmarin selepas tertuduh didapati bersalah atas kesalahan berkenaan.

Beliau berkata, pihak polis menerima laporan berhubung kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak itu pada 7 Oktober lepas.

Susulan laporan tersebut, Polis Daerah Limbang membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Hasil siasatan membawa kepada penangkapan seorang lelaki tempatan berusia 19 tahun pada 12 Oktober lepas kerana disyaki terbabit dalam kes berkenaan.